

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris  
[ Jerantut ]**

**TARIKH : 5 November 2015**

**SOALAN : Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris  
minta MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan  
apakah langkah-langkah yang diambil  
oleh Kerajaan dalam memperkasakan  
pengeluaran ikan air tawar di seluruh  
negara khususnya di Pahang.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah mensasarkan pengeluaran akuakultur sebanyak 1.44 juta tan metrik menjelang 2020 iaitu 48% dari pengeluaran ikan makan negara yang berjumlah 3.02 juta tan metrik. Pada tahun 2014, pengeluaran akuakultur air tawar adalah sebanyak 106.73 ribu tan metrik dengan nilai sebanyak RM749,960 juta.

Bagi memperkasakan akuakultur air tawar, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah melaksanakan 3 strategi utama melalui Peningkatan Produktiviti Projek Sedia Ada, Program EPP NKEA (*Entry Point Project National Key Economic Areas*) dan Projek Penstrukturan. Objektif pelaksanaan program-program ini adalah bagi memperkasakan khidmat pengembangan barisan hadapan, memperkukuh rangkaian nilai pengeluaran, meluaskan kawasan pembangunan akuakultur, membangunkan sumber tenaga mahir, menguatkuasakan peraturan akuakultur dan menpersijil ladang-ladang akuakultur.

Sehubungan itu, pelbagai projek akuakultur telah dibangunkan di seluruh negara berdasarkan strategi-strategi yang digariskan di atas. Sebagai contoh, Program Kluster SME Ternakan Ikan Air Tawar dalam Sangkar di Sungai Pahang. Fasa pertama program tersebut telah bermula pada penghujung tahun 2013 dengan penglibatan seramai 154 orang penternak sedia ada dan Agropreneur Muda dari Daerah Temerloh, Bera dan Pekan. Di antara bantuan yang diberikan oleh Jabatan Perikanan Malaysia bagi menyokong program ini seperti input sangkar, benih dan makanan ikan, serta kemudahan jeti pendaratan ikan.

Sehingga kini, sebanyak 124 buah sangkar sedang beroperasi dengan anggaran pengeluaran hasil daripada sangkar-sangkar tersebut sebanyak 99.2 tan metrik sepusingan. Program perintis ini masih di peringkat pengujian dan akan dikembangkan ke seluruh negara setelah kejayaannya dibukti. Cadangan bagi Fasa Kedua program ini adalah di Daerah Jerantut, Maran dan Lipis.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2015  
[ KHAMIS ]**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR  
BIN MUSA  
[ KETEREH ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA [ KETEREH ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kesediaan Kementerian bagi memperkenalkan pembiayaan boleh ubah bagi membantu rakyat berpendapatan rendah turut memiliki peluang bagi memiliki kediaman sendiri dan nyatakan kekangan bagi merealisasikan cadangan ini.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sedar akan keperluan golongan yang berpendapatan rendah dan setingan yang tidak dapat pembiayaan daripada institusi kewangan untuk membeli rumah.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menjalankan kajian untuk melaksanakan Skim Sewa Untuk Beli (*Rent To Own* - RTO). Kementerian akan membawa cadangan ini kepada Kerajaan untuk mendapatkan kelulusan dalam tempoh yang terdekat.